



123

# Pengembaraan Kalkulator Bersama Kashah



Siti Aisyah Binti Azahar  
Noor Hidayah Binti Awang



# **Pengembaraan Kalkulator Bersama Kashah**



## ©ePembelajaran Politeknik Merlimau

### Penulis

Siti Aisyah binti Azahar

Noor Hidayah binti Awang

### Terbitan 2021

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini yang boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis.

Perpustakaan Negara Malaysia      Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Siti Aisyah Azahar

Pengembaraan Kalkulator Bersama Kashah / Siti Aisyah Binti Azahar,  
Noor Hidayah Binti Awang.

Mode of access: Internet

eISBN 978-967-2241-74-4

1. Calculators.
2. Mathematical instruments.
3. Government publications--Malaysia.
4. Electronic books.

I. Noor Hidayah Awang.      II. Judul.  
510.28541

### Diterbitkan oleh:

Politeknik Merlimau, Melaka

KB1031 Pej Pos Merlimau,

77300 Merlimau Melaka

## SIDANG REDAKSI

Managing Editor

Ts Dr. Maria binti Mohammad  
Rosheela binti Muhammad Thangaveloo  
Nisrina binti Abd Ghafar  
Azrina binti Mohmad Sabiri  
Zuraida bt Yaacob  
Raihan binti Ghazali

Editor

Norhayati binti Ahmad

Designer

Siti Aisyah binti Azahar  
Noor Hidayah binti Awang

Proofreading & Language Editing:

Nor Fazila binti Shamsuddin  
Maisarah binti Abdul Latif  
Rosheela binti Muhammad Thangaveloo



# PENGHARGAAN

**Kami merasa bersyukur kerana dapat menyiapkan Edisi Pertama e-Buku Pengembaraan kalkulator bersama Kashah.**

**Tujuan utama e-buku ini dihasilkan adalah untuk memenuhi keperluan pengguna dalam penggunaan kalkulator yang betul sesuai untuk semua lapisan umur.**

**Akhir kata, kami ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi sokongan dan dorongan secara langsung atau pun secara tidak langsung sepanjang penghasilan e-buku ini. Kami juga mengalu-alukan sebarang teguran dan cadangan dalam memperbaiki mutu penulisan e-buku ini.**

# ABSTRAK

**Pengembaraan kalkulator bersama Kashah ini dihasilkan untuk menarik minat pengguna tidak mengira lapisan umur terhadap penggunaan kalkulator.**

**e-Buku ini mengandungi halaman merangkumi tajuk dalam matematik seperti Pengenalan kepada Kalkulator, Pengiraan Asas dalam tajuk Matematik, Persamaan dalam Matematik dan Trigonometri yang menggunakan medium kalkulator sebagai alat pengiraan. e-Buku ini juga turut menyediakan contoh dan tutorial bagi meningkatkan kefahaman pengguna apabila menggunakan kalkulator.**

**Diharapkan e-buku ini dapat memberi manfaat dan kebaiakn untuk semua demi menggapai hasrat kerajaan untuk melahirkan modal insan cemerlang di persada dunia.**



# ISI KANDUNGAN

<b>01</b>	Pengenalan kepada Kalkulator	1
	• Kod Warna & Mode	
<b>02</b>	Pengiraan Asas	12
	• BODMAS	
	• Pecahan Wajar, Pecahan Tidak Wajar, Perpuluhan	
	• Kuasa dan Punca Kuasa	
	• Darjah, minit, Radian	
	• Logarithma	
	• Melengkapkan jadual	
<b>03</b>	Persamaan	45
	• Serentak, Kuadratik, Kubik	
<b>04</b>	Trigonometri	52
<b>05</b>	Tutorial	61
<b>06</b>	Rujukan	64



**ENGENALAN**  
*kepada*  
**KALKULATOR**

Hai kawan-kawan.

Nama saya Kashah.

Saya ingin mengajak kawan-kawan semua untuk belajar cara menggunakan kalkulator.



Jom kita teroka bersama-sama.

Sebelum kita mulakan, kawan-kawan perlu sediakan bahan-bahan dibawah ni ya.

Kalkulator CASIO fx-570ms

Pen


Kertas

Kawan-kawan dah bersedia? Mari kita mulakan

Kawan-kawan, apa  
kegunaan kalkulator ya?

Saya ingin berkongsi pengetahuan dengan  
semua tentang kegunaan kalkulator!

JOM



# KOD WARNA

Sebelum kawan-kawan mula mengira, kawan-kawan perlu tahu kod warna untuk kalkulator. Ada 4 warna yang digunakan iaitu:

PUTIH  
KUNING  
MERAH JAMBU  
HIJAU

Penggunaannya seperti berikut:







**PUTIH**

Kawan-kawan hanya perlu tekan nombor atau fungsi berwarna putih yang dikehendaki



**KUNING**

Kawan-kawan perlu tekan butang SHIFT yang berada di sebelah kiri atas sekali, dan tekan fungsi berwarna kuning yang dikehendaki



**MERAH  
JAMBU**

Kawan-kawan perlu tekan butang ALPHA yang berada di sebelah SHIFT dan tekan fungsi berwarna merah jambu yang ingin digunakan



**HIAU**

Kawan-kawan perlu tekan butang MODE yang berada di sebelah ON sebanyak 2 kali, dan tekan 3 (BASE)

# MODE

Seterusnya, Kashah nak terangkan pada kawan-kawan mengenai fungsi MODE yang ada pada kalkulator.

Pada kalkulator, ada 6 fungsi MODE yang boleh digunakan. Mari Kashah terangkan setiap fungsinya.



Untuk Mode yang pertama,  
ada 2 fungsi iaitu:

COMP : Persamaan am  
biasa

CMPLX : Nombor kompleks



Untuk Mode yang kedua,  
ada 3 fungsi iaitu:



SD : Statistik "Standard  
Deviation"

REG : Statistik "Regression"

BASE : Nombor sistem

Untuk Mode yang ketiga, ada 3 fungsi iaitu:

EQN : Persamaan kuadratik dan persamaan serentak

MAT : Nombor Matriks

VCT : Nombor Vektor



Untuk Mode yang keempat, ada 3 fungsi pertukaran sudut iaitu:



Deg : Degree

Rad : Radian

Gra : Gradian

Untuk Mode yang kelima, ada 3 fungsi iaitu:

Fix : Tempat perpuluhan

Sci : Nombor Signifikan

Norm : Kembali ke paparan asal



Untuk Mode yang keenam, ada 1 sahaja fungsi iaitu:

Disp : "Engineering Symbol"



Untuk kembali ke tetapan asal, kawan-kawan perlu tekan:

SHIFT , MODE, Mcl (1) - Untuk menghapuskan memory

SHIFT , MODE, Mode (2) - Untuk menghapuskan mode

SHIFT , MODE, All (3) - Untuk menghapuskan semua data



Sekarang kawan-kawan semua sudah tahu kod warna dan fungsi setiap mod.

Okay, mari kita mulakan Pengembaraan Kalkulator kita. Kawan-kawan ikut tau yang Kashah ajar ini.





**PENGIRAAN**  
**ASAS**

# Hukum BODMAS

Sebelum mula mengira, kawan-kawan perlu tahu HUKUM BODMAS dalam pengiraan subjek matematik.

Turutan arithmatik yang dipanggil BODMAS ini penting untuk pengiraan melibatkan gabungan operasi seperti:

TAMBAH  
TOLAK  
DARAB  
BAHAGI  
KURUNGAN  
KUASA

Pengiraan mesti berdasarkan hukum BODMAS ye !

Jadi, jom Kashah  
bagitahu tentang turutan

BODMAS





**B**RACKET (Kurungan)

**O**RDER (KuaSa)

**D**IVISION (Bahagi)

**m**ULTIPLICATION  
(Darab)

**A**DDITION (Tambah)

**S**UBTRACTION (Tolak)



Kawan-kawan kena ingat tau.. Untuk setiap pengiraan, mesti ikut pada hukum BODMAS ni.

Mari kita cuba!





$$2 + 3 \times 4$$

Kawan-kawan, cara untuk selesaikan soalan di atas adalah menggunakan hukum BODMAS iaitu:

$$2 + (3 \times 4)$$

Kawan-kawan perlu menyelesaikan operasi darab dahulu berbanding operasi tambah, jadi kawan-kawan hanya perlu masukkan kurungan ke dalam kalkulator seperti kashah tunjukkan di atas

**JAWAPAN : 14**



$$(2+3) \times 4$$

Cuba kawan - kawan tengok soalan ni, lebih kurang sahaja kan dengan soalan di atas, bezanya hanya terdapat kurungan sahaja.

Ok, kalau soalan begini, kita perlu dahulukan yang dalam kurungan dahulu mengikut hukum BODMAS

Jadi kawan-kawan hanya perlu tekan dalam kalkulator seperti soalan yang kashah tunjukkan di atas

**JAWAPAN : 20**

**PECAHAN  
WAJAR,**



**PECAHAN  
TIDAK WAJAR**



**PERPULUHAN**

# PECAHAN WAJAR



# PECAHAN TIDAK WAJAR

Kawan-kawan, cara untuk menukarkan pecahan ini adalah:

Tekan nombor pecahan tersebut di dalam kalkulator

Tekan =

Tekan SHIFT

Tekan a b/c

## CONTOH

$$1\frac{2}{3} = \frac{5}{3}$$

1 **ab/c** 2 **ab/c** 3 = **SHIFT ab/c**



# PECAHAN TIDAK WAJAR



# PECAHAN WAJAR

Untuk menukarkan pecahan tidak wajar pula adalah:

Tekan nombor pecahan tersebut di dalam kalkulator  
Tekan =

## CONTOH

$$\frac{9}{5} = 1 \frac{4}{5}$$

9 **ab/c** 5 =



# PERPULUHAN



# PECAHAN

Untuk menukarkan perpuluhan kepada pecahan adalah:

Tekan nombor tersebut di dalam  
kalkulator  
Tekan =  
Tekan a b/c

## CONTOH

$$1.4 = 1 \frac{2}{5}$$

$$1.4 = \mathbf{ab/c}$$







Jom kawan-kawan  
kita cuba soalan ini

$$\frac{5}{12} \div \frac{6}{13} \quad \times \quad 72$$


$$\left[ \frac{5}{12} \right] \div \left[ \frac{6}{13} \right] \quad \times \quad 72$$

kawan-kawan perlu meletakkan  
kurungan jika nombor tersebut  
melibatkan pecahan ya!

Dan jangan lupa hukum BODMAS juga!  
Ikut sahaja macam Kashah tunjukkan di  
atas

**JAWAPAN : 65**

KUASA



&

PUNCA

KUASA



# KUASA DUA



# PUNCA KUASA DUA

Untuk mengira nombor kuasa 2,  
kawan-kawan hanya  
tekan nombor tersebut  
dan tekan  $X^2$

Kalau nak kira nombor punca kuasa 2  
pula, kawan-kawan perlu:  
tekan  $\sqrt{\quad}$   
kemudian tekan nombor tersebut di  
dalam kalkulator

Ok!



# KUASA DUA



# PUNCA KUASA DUA

## CONTOH

$$4^2 = 16$$

$$4 x^2 =$$

Tekan 4

Tekan  $x^2$

$$\sqrt{5} = 2.2361$$

$$\sqrt{\quad} 5 =$$

Tekan  $\sqrt{\quad}$

Tekan 5



# KUASA TIGA & PUNCA KUASA TIGA

Untuk mengira nombor kuasa 3,  
kawan-kawan hanya perlu:

Tekan nombor  
Tekan SHIFT  
Tekan  $X^2$   
Tekan =

Kalau nak kira nombor punca  
kuasa 3 pula, kawan-kawan hanya:

Tekan SHIFT  
Tekan  $\sqrt{\quad}$   
Tekan nombor  
Tekan =



# Ok!

# KUASA TIGA & PUNCA KUASA TIGA

## CONTOH

$$4^3 = 64$$

$$4 \text{ SHIFT } x^2 =$$

$$\sqrt[3]{8} = 2$$

$$\text{SHIFT } \sqrt{\quad} 8 =$$



# KUASA 'N'

## &

# PUNCA KUASA 'N'


Untuk mengira nombor kuasa lain,  
kawan-kawan hanya :

Tekan nombor,  
Tekan ^  
Tekan nombor kuasa  
Tekan =

Kalau nak kira nombor punca  
kuasa n pula, kawan-kawan perlu:

Tekan nombor punca kuasa  
Tekan SHIFT  
Tekan ^  
Tekan nombor  
Tekan =

# Ok!



# KUASA 'N' & PUNCA KUASA 'N'

## CONTOH

$$4^5 = 102$$

$$4 \wedge 5 =$$

$$\sqrt[4]{10} = 1.7783$$

$$4 \text{ SHIFT } \wedge 10 =$$





Jom kawan-kawan  
Kita cuba soalan ini.  
Jangan lupa hukum BODMAS

$$3 + (18 \div 6) \times 2$$

$$3 + 3 \times 2$$

$$3 + 9 \times 2$$

$$3 + 18$$

$$= 21$$

DARJAH

minit

RADIAN

# DARJAH



# DARJAH & MINIT

Kawan-kawan, cara untuk menukarkan darjah kepada darjah dan minit adalah:

Tekan nombor

Tekan 0''''

Tekan =

## CONTOH

$$32.4^{\circ} = 32^{\circ} 24'$$

$$32.4 \text{ 0''''}$$



**DARJAH**  
&  
**MINIT**

↙

**DARJAH**

Kalau mahu menukarkan darjah dan minit kepada darjah semula pula adalah:

Tekan nombor darjah

Tekan 0999

Tekan nombor minit

Tekan 0999

Tekan =

Tekan 0999

**CONTOH**

$$50^{\circ} 17' = 50.28^{\circ}$$

$$50 \text{ 0999 } 17 \text{ 0999 } = \text{ 0999 }$$



# Darjah ke Radian

Kalau mahu menukarkan darjah kepada radian, mula-mula kawan perlu tukarkan dulu mode dalam kalkulator. Caranya adalah:

Tekan Mode sebanyak 4 kali, kemudian tekan 2 untuk Rad.

Seterusnya,  
masukkan nombor darjah

Tekan SHIFT

Tekan Ans

Tekan 1 untuk D

Tekan =

## CONTOH

$$30^\circ = 0.524 \text{ rad}$$

$$30 \text{ SHIFT ANS } 1 =$$



# Radian ke Darjah

Kalau mahu menukarkan radian kepada darjah, kawan-kawan perlu hapuskan dulu mode Radian tadi. Caranya adalah :

Tekan Shift, Mode, All (3)

Seterusnya,  
masukkan nombor radian

Tekan SHIFT

Tekan Ans

Tekan 2 untuk R

Tekan =

## CONTOH

$$1.08 \text{ Rad} = 61.88^\circ$$

$$1.08 \text{ SHIFT ANS } 2 =$$



# Jam & Minit ke Jam

Berlainan pula jika kita mahu menukarkan jam dan minit kepada jam sahaja.

Caranya senang saja, Jom cuba

## CONTOH


Tukarkan 2 jam 24 minit kepada jam :

Tekan 2, tekan ○●●●  
Tekan 24, tekan ○●●●  
Seterusnya,  
Tekan =  
Tekan kembali ○●●●

**JAWAPAN : 2.4 JAM**



# LOGARITMA





# LOGARITHMA

Untuk Logarithma, kawan-kawan perlu tahu yang simbol log di dalam kalkulator telah ditetapkan asas 10.

Jadi jika diberi soalan begini,

$$\text{Log}_{10}100$$

kawan-kawan hanya perlu tekan log 100 = sahaja

ttidak perlu tekan asas 10 itu.

OK!



# LOGARITMA

Tapi jika diberi soalan begini,

$$\text{Log}_2 100$$

kawan-kawan perlu gunakan formula pertukaran asas dulu seperti di bawah ini

$$\text{Log}_2 100 = \frac{\text{Log}_{10} 100}{\text{Log}_{10} 2}$$

Jadi, nanti kawan-kawan tekan log 100,  
tekan simbol bahagi,  
tekan log 2  
tekan =



OK!

# LOGARITMA

Kalau soalan begini pula,


$$\text{Log}_{10} X = 0.5$$

Kawan-kawan hanya tekan  
SHIFT log 0.5 =

Tapi ingat tau Kashah cakap tadi.  
Soalan Log ini hanya untuk asas 10  
sahaja



# MELENGKAPKAN JADUAL



# MELENGGKAPKAN JADUAL

Cara untuk melengkapkan jadual adalah dengan memasukkan persamaan di dalam kalkulator

Kawan-kawan hanya perlu:  
Tekan ALPHA ) bagi pembolehubah x  
Tekan CALC  
Masukkan nilai yang diberi  
Tekan =

Ulang Tekan CALC untuk nilai yang berlainan tau!

SIAP!



# MELengkapi JADUAL

## CONTOH

$$y = x^2 + 3x - 12$$

ALPHA )  $x^2$   $+$  3 ALPHA )  $-$  12  
CALC 0 =  
CALC 1 =

X	Y
0	-12
1	-8



PERSAMAAN

▷ SERENTAK

▷ KUADRATIK

▷ KUBIK



# PERSAMAAN

## SERENTAK

Ok, sekarang Kashah nak ajar cara untuk cari jawapan untuk persamaan serentak bagi 2 pembolehubah.

Begini caranya:

Tekan Mode 3 kali

Tekan 1 untuk EQN

Tekan 2 pada Unknowns

Seterusnya,

masukkan nombor yang diberi mengikut susunan berikut:

$$a_1 + b_1 = c_1$$

$$a_2 + b_2 = c_2$$





# PERSAMAAN

# SERENTAK

## CONTOH

$$\begin{aligned}2x + y &= 3 \\4x - 9y &= 10\end{aligned}$$

Tekan Mode 3 kali  
Tekan 1 untuk EQN  
Tekan 2 pada Unknowns  
Masukkan nilai a1 sehingga c2  
Siap!

$$\begin{aligned}a_1 &= 2 & b_1 &= 1 & c_1 &= 3 \\a_2 &= 4 & b_2 &= -9 & c_2 &= 10\end{aligned}$$

$$x = 1.68, y = -0.36$$



# PERSAMAAN

## SERENTAK

Untuk menyelesaikan persamaan serentak bagi 3 pembolehubah, caranya masih sama. Cuma kawan-kawan hanya tekan nombor 3 pada UNKNOWNS dan masukkan nombor mengikut turutan berikut:

$$a_1 + b_1 + c_1 = d_1$$

$$a_2 + b_2 + c_2 = d_2$$

$$a_3 + b_3 + c_3 = d_3$$



# PERSAMAAN

# SERENTAK

## CONTOH

$$4x - 3y + z = 11$$

$$2x + y - 4z = -1$$

$$x + 2y - 2z = 1$$

$$a_1 = 4 \quad b_1 = -3 \quad c_1 = 1 \quad d_1 = 11$$

$$a_2 = 2 \quad b_2 = 1 \quad c_2 = -4 \quad d_2 = -1$$

$$a_3 = 1 \quad b_3 = 2 \quad c_3 = -2 \quad d_3 = 1$$

$$x = 3, \quad y = 1, \quad z = 2$$

Ok!



# PERSAMAAN KUADRATIK

Bagi persamaan yang berbentuk

$$ax^2 + bx + c = 0$$

cara penyelesaiannya adalah:

Tekan Mode 3 kali,

Tekan EQN 1,

Tekan 

Tekan Degree 2


dan masukkan nombor-nombor yang  
diberikan.

## CONTOH

$$x^2 + 4x - 12 = 0$$

$$a = 1, b = 4, c = -12$$


$$x = 2, x = -6$$



# PERSAMAAN

# KUBIK

Bagi persamaan berbentuk  
 $ax^3 + bx^2 + cx + d = 0$   
cara penyelesaiannya adalah:


Tekan Mode 3 kali,  
Tekan EQN 1,  
Tekan   
Tekan Degree 3  
dan masukkan nombor-nombor  
yang diberikan.

## CONTOH


$$x^3 - 6x^2 + 11x - 6 = 0$$


$$a = 1, b = -6, c = 11, d = -6$$

$$x = 1, x = 2, x = 3$$



# TRIGONOMETRI





# formula

# TRIGONOMETRI

Dalam tajuk Trigonometri, ada 3 fungsi yang terlibat iaitu  $\sin X$ ,  $\cos X$ ,  $\tan X$  yang memang terdapat butang tersebut dalam kalkulator

Jom Kashah tunjukkan.

# SUDUT

# TRIGONOMETRI

Sebagai contoh,

$$\sin X = 0.8765$$

Kawan-kawan tahu tak cara nak cari  
nilai X guna kalkulator?  
Jom Kashah ajar.





Untuk soalan begini,  
 $\sin X = 0.8765$

mula-mula kawan-kawan tekan SHIFT  
tekan sin  
Tekan 0.8765  
Akhir sekali tekan =  
Terus dapat jawapan  
 $X = 61^\circ$

**SENANG KAN?**



Kashah tunjuk contoh lain pula ya

Tukarkan  $\tan 36^\circ$  kepada nilai

Caranya mudah sahaja

Tekan Tan  
Tekan 36  
Tekan =  
Jawapan = 0.727




Untuk soalan begini pula,


$$\cos 74^{\circ} 15'$$

mula-mula kawan-kawan tekan cos

Selepas itu taip 74

Tekan 

Taip 15

Tekan 

Akhir sekali tekan =

Terus dapat jawapan

$$=0.271$$

# MUDAH SAHAJA



# FORMULA

## TRIGONOMETRI



Selain fungsi  $\sin X$ ,  $\cos X$ ,  $\tan X$ , ada lagi 3 fungsi trigonometri iaitu sekatan  $X$ , kosekatan  $X$  dan kotangen  $X$

$\sin X$ ,  $\cos X$ ,  $\tan X$  memang ada butang dalam kalkulator tetapi fungsi selebihnya perlu ditukar kepada fungsi yang ada untuk menyelesaikannya.

Jom Kashah tunjukkan.

$$\text{sekan } X = \frac{1}{\cos X}$$

$$\text{kosekan } X = \frac{1}{\sin X}$$

$$\text{kotangen } X = \frac{1}{\tan X}$$



## Contoh 1

Jom Kashah tunjukkan contoh bagaimana penggunaan fungsi trigonometri yang terlibat.

$$\secan X = 3.500$$

mula-mula kawan-kawan perlu tukar  
sekan X  $\rightarrow$   $1 / \cos X$

Jadikan kos X sebagai tajuk,  
ia akan menjadi  $\cos X = 1 / 3.500$

Kawan-kawan perlu tekan  
SHIFT COS (1 / 3.500)

Terus dapat jawapan  
 $X = 73.40^\circ$



## Contoh 2

Kita tengok contoh lain pula ya

$$\text{kosek } X = 2.700$$

mula-mula kawan-kawan perlu tukar  
kosek  $X \rightarrow 1 / \sin X$

Jadikan  $\sin X$  sebagai tajuk,  
ia akan menjadi  $\sin X = 1 / 2.700$

Kawan-kawan perlu tekan  
SHIFT SIN (1 / 2.700)

Terus dapat jawapan  
 $X = 21.74$



SOALAN

JAWAPAN

$$5 \times (9+7) + (42 - 7)$$

115

$$5 \times 6 \div 3 - 2 + 1 \times 10$$

18

$$\sin 128^{\circ}46' + \tan 1.5 \text{ rad}$$

0.8

$$\left(3\frac{1}{3} + 1\frac{2}{3}\right) \times \sqrt{144}$$

60

$$\sqrt[4]{16} + \frac{1}{2} - \log_{10} 4$$

1.9





SOALAN

JAWAPAN

$$3x+2y=12$$

$$2x+2y=10$$

$$x^3 + 4x^2 - 21x = 0$$

$x=2$

$y=3$

$x=3,$   
 $0, -7$

Fill in the table:

$x$	$y$	$f(x) = \frac{x}{2} + \frac{y}{3}$
1	4	
2	3	
3	2	
4	1	

$1.8$

$2$

$2.2$

$2.3$



# RUJUKAN

Izwyaty Hashim. (2020, November 24). Tatacara Penggunaan Kalkulator. <https://anyflip.com/xxhnr/cvnc>

Morabisma. (2010, August 29). Penggunaan Kalkulator Dlm P&P. <https://www.slideshare.net/morabisma/penggunaan-kalkulator-dlm-p-p>

Nurul 'Ain. (2013, November 21). Casio scientific calculator\_fx-570ms <https://www.slideshare.net/zorinah85/casio-scientific-calculatorfx570ms>.

# **PENULIS E-BUKU**



**Siti Aisyah Binti Azahar**  
**aisyakhaisya@gmail.com**

**Graduan Sarjana Muda Pendidikan Matematik (UPSI)**  
**Berpengalaman mengajar Matematik lebih dari**  
**sepuluh tahun di Politeknik**



**Noor Hidayah Binti Awang**  
**email: fieya1911@gmail.com**

**Graduan Sarjana Pendidikan Teknikal (Rekabentuk**  
**Instruksional dan Teknologi) dari UTHM**  
**dan Sarjana Muda Sains Matematik (UiTM)**  
**Berpengalaman mengajar Matematik lebih dari**  
**sepuluh tahun di Politeknik**

e ISBN 978-967-2241-74-4



9 7 8 9 6 7 2 2 4 1 7 4 4